

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RABIYAH BINTI ALI

TARIKH : 07 MEI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kamera AES yang dipasang sehingga Mac 2019 dan berapakah jumlah saman AES yang direkodkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera *Automated Enforcement System* (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WPKL dan satu (1) lokasi di Putrajaya.
2. Manakala jumlah saman yang telah direkodkan dari 01 September 2018 sehingga 31 Mac 2019 adalah sebanyak 150,079.

Sekian, terima kasih.